

Hukum Adat Berpusing Bak Kincir

Perbualan Datuk Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari Luak Jelebu, OTHMAN BAGINGDA dengan SALMIAH ISMAIL

DAHULUNYA Jelebu ini adalah sebuah negeri yang berdiri sendiri dan diperintah secara adat. Dalam zaman pemerintahan British di dapati adat itu sesuai kerana orang British juga mempunyai adat. Bukanlah undang-undang seperti yang kita sebut itu sebenarnya berasal dari adat? Setelah adat itu dikaji dan diteliti dan diputuskan barulah ia dijadikan undang-undang. Jika tidak ada adat maka tidak adalah undang-undang. Jadi, adat ini asas kepada undang-undang.

Dalam pemerintahan secara adat di Jelebu ini ada orang delapan, tiga daripadanya Lembaga Beradat. Melalui perundingan orang delapan inilah adat diadun dan dicipta. Bila adat ini mula diamalkan tidak dapat ditentukan kerana catatan tidak ada. Tetapi saya rasa adat ini mula diada dan diamalkan semenjak zaman kerajaan Melayu Melaka lagi. Waktu itu Jelebu adalah sebahagian daripada Melaka. Di dalam *Hikayat Hang Tuah* ada disebut dusun, tempat Hang Tuah mengaji. Saya yakin dusun yang dimaksudkan itu ialah Jelebu. Dahulu ia adalah tempat ahli ilmu. Di hutan rimbanya orang-orang dahulu beramal dan bersunyi-sunyian.

Dalam pentadbiran adat, jawatan yang saya sandang ini mempunyai bidang tugas yang amat luas. Jawatan itu ialah Datuk Niko Menteri



Datuk Menteri: Lembaga itu dahulu bertugas sebagai penghulu.

Sah Mangku Alam Raja Sari Luak Jelebu. Saya mengetuai lima orang Waris Negeri dan Lembaga Nan Tiga. Sekiranya Undang tidak ada di Luak, Datuk Menteri memangku Jawatan Undang. Sudah dua kali saya memangkunya. Secara tidak langsung saya sebagai Datuk Menteri menjadi orang rujukan Undang atau penasihat kepada Undang.

Kalau hendak dikira-kira antara tugas dan ganjaran yang diberikan memanglah tidak sepadan, tidak seimbang dengan keadaan sekarang. Ada setengah datuk telah meletakkan jawatan adat ini. Tetapi bagi saya memandangkan ini merupakan suatu pusaka, saya teruskan juga memegangnya. Telah tiga tahun masalah ini dibawa ke Dewan Keadilan dan Undang tetapi nampaknya masih di peringkat pertimbangan.

Pada masa dahulu, Lembaga itu sendiri bertugas sebagai penghulu. Sekarang susahlah sedikit kerana ramai Lembaga yang sudah tua-tua, tidak sanggup lagi menjalankan tugas itu. Apalagi kalau mahu jadi penghulu mesti ikuti kursus. Untuk menjadi Lembaga sahaja kursus seperti itu tidak perlu. Dari segi adat memanglah Lembaga lebih tahu.

PEMILIHAN UNDANG: Lembaga Waris Berundang ada tiga. Lazimnya Lembaga Waris Berundang yang menerima giliran memberikan nama beberapa orang calon dan menyerahkannya kepada Datuk Ombi. Adalah menjadi kuasa Datuk Ombi memilihnya. Datuk Ombi menyerahkan nama itu kepada Datuk Menteri. Datuk Menteri memanggil tiga orang Lembaga Beradat untuk menapis

dengan lebih teliti calon yang dimaksudkan. Pemilihan terakhir terpujang kepada Datuk Menteri.

Dalam memilih Undang, Datuk Menteri mestilah jujur. Ada sumpahnya: Siapa bengkok makan sarung. Ertinya, kalau kita sendiri tidak betul, kita akan rosak. Datuk Menteri adalah pemegang amanah dan berkuasa istimewa melantik Undang. Bukanlah sembarangan tugas.

Siapa memilih Datuk Menteri? Terpujang kepada Waris Menteri dari perut yang empat menentukan. Sekiranya perut yang empat tidak sepakat, maka tugas memilih diserahkan kepada Undang. Itulah sebabnya Undang-undang Adat Jelebu ini dikatakan "berpusing bak kincir". Kuasa memilih bertukar-tukar. Ini terjadi kerana asalnya Datuk Undang dan Datuk Menteri itu sewaris dari dua beradik. Ceritanya, apabila Moyang Saleh 'memutus tali' ke Johor dia menerima gelaran Sultan Jelebu. Dengan itu dia menyerahkan jawatan Datuk Menteri itu kepada warisnya. Sebab itulah sekiranya Datuk Undang tidak ada, kuasa memangku turun ke Datuk Menteri.

Panduan atau sifir orang beradat di Jelebu ini adalah pepatah-petitihnya. Pepatah itu dicipta setelah sesuatu masalah berlaku. Dengan cara ini makin lama makin banyak pepatah yang dicipta. Umpamanya, pepatah "ular dipalu jangan mati, tanah dipalu jangan lembang, kayu pemalu jangan patah". Pepatah ini timbul apabila seorang pengantin perempuan dibelit ular semasa mandi sam-pat di sungai. Emak saudara pengantin perempuan itu diminta memberikan pendapat. Dia pun bertanyakan pengantin lelaki yang akan bersemenda itu. Dia menyuruh lelaki itu mencari kayu dengan ukuran yang telah ditentukan. "Pergilah ke bukit", katanya "kau pukul banirnya sebatang pohon". Pukulan itu terlalu kuat sehingga bumi bergegar, ular itu pun terperanjat dan melepaskan lilitannya. Itulah asal mulanya pepatah itu dicipta. Dari cerita ini juga timbulnya pepatah untuk orang semenda "disuruh pergi dipanggil datang". Memang tugas orang semenda menyelamatkan isterinya.

Begitulah. Umumnya adat bersama pepatah-petitihnya itu bersih seperti kaca. Adat menjadi kabur kerana kotor atau kurang dijaga. Jika digilap ia tetap bercahaya. Ertinya jika kita kuat berpegang kepada adat, maka adat akan bersinar menerangi hidup kita. Ia akan bercahaya. □

Kono Komat Jolobu...

Oleh PENULIS KHAS

SUDAH menjadi gonjengan orang, terutama anak muda untuk mengaitkan daerah Jelebu dengan sebuah pantun gurauan. Pantun yang dimaksudkan itu dikaitkan pula dengan kisah cinta seorang dara terhadap seorang teruna anak Jelebu. Walaupun kisah cinta mereka tidak sehebat kisah Romeo dan Juliet di Eropah, Romo dan Julie di Indonesia atau Uda dan Dara di Malaysia, namun ada sesuatu yang menarik sehingga terciptanya pantun empat kerat yang tersohor itu.

Konon ceritanya, pada suatu hari berangkatlah seorang anak jati yang masih teruna meninggalkan kampung halamannya di Jelebu. Orang muda ini seperti halnya seorang anak yang mewarisi darah Minangkabau mempunyai semangat ingin merantau. Setelah memohon restu dan izin orang tuanya dia pun berkereta lembu menuju arah barat ke Port Dickson.

Dengan tenang dan sabar dia merentas gunung dan lembah, sawah dan bukau. Dengan setia lembunya menarik kereta berisi muatan untuk bekalan tuannya dalam perjalanan. Anak muda ini akan berhenti melepaskan penat lembunya atau apabila malam tiba. Dan kemudian dia meneruskan perjalanan. Di suatu pagi yang cerah, dia tiba di sebuah perkampungan di Sungai Ujung (Seremban sekarang). Dilihat sawah padi yang luas lagi menguning. Musim tengah menuai, katanya dalam hati. Dia pun merentas bendang, memastikan lembunya tidak memamah padi di jalan.

Padi tengah masak. Ramai turun ke sawah menuai. Yang "berantam" (secara bekerjasama) berhibur hati sesama sendiri. Yang bersendirian berhibur hati dengan khayalan.

Adalah seorang dara, ramah dan ayu yang asyik menuai. Tiba-tiba, matanya tertumpu ke arah datangnya kereta lembu. Ada lelaki muda yang memandu. Fikirnya, "mengapa mesti berkereta lembu anak mu-

da ini." Alangkah janggalnya seorang teruna yang tidak malu-malu memandu kereta lembu. Apabila diketahui tujuan si anak muda itu, dia pun mulai mempersenda. Dia menyindir dan dia memperli.

Walaupun terasa bahawa dirinya dipersenda, namun si anak muda tetap berdiam diri. Tidak sepele kata yang dilemparkan. Barangkali ibu bapa si gadis yang mempersenda anak muda itu tengah asyik menuai atau turut memerhatikan gelagat anak gadisnya. Bagaimanapun terlintas pula dalam benak si anak muda ini betapa kurang sopannya seseorang itu mempersenda orang lain di depan khalayak. Gadis itu begitu ayu wajahnya. Ada sesuatu yang terpendam dalam jiwanya. Tunggu sahaja, barangkali kata-kata itu yang disimpannya dalam hati.

Kata orang, lazimnya seorang yang mewarisi darah Minangkabau sebelum merantau, mengisi dada dengan 'pemakai' dan segala jenis ilmu dunia dan akhirat. Ada petua yang dijadikan panduan. Ada pepatah yang dijadikan bahan bertegur sapa. Ada ilmu bekalan yang menuntut simpati orang banyak. Ada ilmu bekalan yang menuntut musuh datang berjinak, dan lain-lain.

Kata yang empunya cerita, sejak pertemuan dan senda gurau dengan anak muda itu si gadis Mambau mulai resah. Dia bermenung dan sering memencilkan diri, tidak lagi seriang dahulu. Dia sering mengadu hal kepada orang tuanya bahawa hatinya telah 'goyang' semakin mengocakkan perasaannya. Sering sahaja dia

merenung ufuk barat. Sering sahaja dia 'menziarahi' jejak-jejak lembu yang mengheret kereta tuannya. Dalam hati tertanya-tanya: "Bilakah pulangnye sang rajuna hati?"

Subuh lagi adalah dia menuai sambil memerhatikan jalan yang menuju barat. Muncullah! Muncullah! Oh, Muncullah! Dia mengerling, dia berpaling. Tuaian mulai diperlahankan, kelihatannya, dia lebih suka berada di tengah-tengah bendang, di tengah cahaya suria terik daripada bersimpuh di dalam rumah tetapi hatinya gusar.

Entah berapa lama dia menunggu. Hari yang pergi disambut bulan yang tiba. Nun jauh berbalam, kelihatan seperti kereta lembu berdatang perlahan. Semakin hampir semakin jelas kelihatan. Bagaimana tidak girangnya hati si dara melihat sang rajuna hatinya berada dalam kereta lembu itu. Tangannya terhenti menuai. Ada tiga tangkai padi di antara jari dan alat tuaianya. Dia berdiri kaku, hampir terpesona melihat kereta lembu berlalu menuju ke arahnya. Alangkah tampannya pemuda yang semakin menghampiri ke arahnya. Entah kuasa apa yang menggerakkan, dengan tuai dan tiga tangkai padi di tangan dia mengekori jalannya kereta lembu. Tapak demi tapak, menuju timur. Berhenti kereta lembu berhentilah dia, matanya tetap mencari kehadiran arjunanya. Apalah makan minum dan tidur baring apabila telah bersama dengan orang yang dikasihinya. Dia membayangkan kehidupan bersama anak muda itu. Mungkinkah?

Hanya setelah sampai di kampung halaman si anak muda menyambutnya dan diperkenalkan kepada orang tuanya. Demikianlah, seperti kata Datuk Ombi Ghani Shahmaruddin, "orang Jelebu itu tidaklah membiarkan tetamunya datang tidak bersambut". Maka akhirnya setelah bulatlah muafakat di antara kedua-dua keluarga, maka dikahwinkanlah kedua-dua anak muda ini dalam satu upacara gilang-gemilang. Hiduplah kedua-duanya aman sentosa hingga ke anak cucu. Berdasarkan cerita inilah lahirnya pantun itu:

Ko Jolobak Ko Jolobu
Tuai padi tigo soghangkai
Kok Kono Komat Jolobu
Tak Mati Badan Moghasai

Wallahuaklam

